



KEMENTERIAN EKONOMI
JABATAN PERANGKAAN MALAYSIA

KENYATAAN MEDIA BAGI PRESTASI EKONOMI MALAYSIA PADA SUKU TAHUN PERTAMA 2023

Ekonomi Malaysia bertumbuh pada 5.6 peratus disokong oleh permintaan domestik yang stabil dan pemulihan dalam pasaran buruh

PUTRAJAYA, 12 Mei 2023 – Keluaran Dalam Negeri Kasar (KDNK) Malaysia pada suku tahun pertama 2023 berkembang 5.6 peratus selepas mencatatkan pertumbuhan 7.1 peratus pada suku tahun sebelumnya. Bagi terma pelarasan musim suku tahun ke suku tahun, KDNK meningkat marginal sebanyak 0.9 peratus (ST4 2022: -1.7%) pada suku tahun ini. Sejajar dengan itu, prestasi ekonomi bulanan berkembang sederhana pada suku tahun pertama dengan pertumbuhan 4.6 peratus pada Januari, diikuti 6.6 peratus pada Februari dan 5.6 peratus pada Mac 2023. Jabatan Perangkaan Malaysia (DOSM) melaporkan hari ini dalam siaran **Keluaran Dalam Negeri Kasar (KDNK) Suku Tahun Pertama 2023**.

Menurut Ketua Perangkawan Malaysia, Dato' Sri Dr. Mohd Uzir Mahidin, "Prestasi ekonomi pada suku tahun pertama 2023, dari segi penawaran dipacu oleh kesemua sektor khususnya sektor Perkhidmatan, Pembuatan dan Pembinaan. Dari segi permintaan, Perbelanjaan penggunaan akhir swasta dan Pembentukan modal tetap kasar terus memacu pertumbuhan ekonomi pada suku tahun ini".

Beliau menambah, "Dari segi prestasi sektoral, sektor **Perkhidmatan** merupakan penyumbang utama kepada ekonomi Malaysia, meningkat 7.3 peratus (ST4 2022: 9.1%) pada suku tahun pertama 2023. Prestasi memberangsangkan ini disumbangkan oleh subsektor Perdagangan borong & runcit (9.4%), Pengangkutan & penyimpanan (17.0%), Perkhidmatan perniagaan (16.2%) dan Makanan & minuman dan penginapan (12.0%). Perkembangan kukuh yang dicatatkan dalam Perkhidmatan perniagaan di dorong oleh agensi pelancongan dan aktiviti berkaitan pelancongan, berikutan peningkatan ketibaan pelancong. Bagi terma pelarasan musim suku tahun ke suku tahun, sektor Perkhidmatan meningkat 1.7 peratus (ST4 2022: -1.5%)".

Sektor **Pembuatan** berkembang sederhana 3.2 peratus (ST4 2022: 3.9%) pada suku tahun pertama 2023 dipacu oleh Produk elektrik, elektronik & optikal (3.8%) diikuti oleh Peralatan pengangkutan, pembuatan lain dan pemberian (7.7%) dan Minyak & lemak daripada sayuran & haiwan dan prosesan makanan (7.2%). Sebaliknya, Produk kayu, perabot, kertas & produk kertas dan percetakan mencatatkan penurunan 4.0 peratus

(ST4 2022: -2.6%). Bagi terma pelarasan musim suku tahun ke suku tahun, keseluruhan sektor Pembuatan meningkat 0.5 peratus (ST3 2022: -2.6%).

Sektor **Pembinaan** berkembang 7.4 peratus (ST4 2022: 10.1%) pada suku tahun pertama 2023. Prestasi sektor ini disumbangkan oleh pertumbuhan positif dalam Kejuruteraan awam (15.9%), Aktiviti pembinaan pertukangan khas (8.7%) dan Bangunan bukan kediaman (6.4%). Walau bagaimanapun, Bangunan kediaman menyusut 3.4 peratus (ST4 2022: 2.8%). Bagi terma pelarasan musim suku tahun ke suku tahun, sektor Pembinaan meningkat 2.9 peratus (ST4 2022: -4.1%).

Sektor **Perlombongan & pengkuarian** meningkat 2.4 peratus (ST4 2022: 6.3%) disokong oleh kesemua aktiviti terutamanya subsektor Minyak mentah & kondensat yang meningkat 4.0 peratus (ST4 2022: 4.3%) pada suku tahun ini. Manakala, Gas asli bertumbuh pada kadar perlahan sebanyak 0.6 peratus (ST4 2022: 7.3%). Bagi terma pelarasan musim, sektor ini menurun 3.2 peratus (ST4 2022: -2.4%). Di samping itu, sektor **Pertanian** meningkat marginal sebanyak 0.9 peratus (ST4 2022: 1.1%) pada suku tahun ini disokong oleh prestasi yang lebih baik dalam subsektor Kelapa sawit (3.4%) dan Pertanian lain (2.6%). Sektor pertanian mencatatkan penurunan 2.5 peratus (ST4 2022: 2.0%) bagi terma pelarasan musim.

Mengulas lanjut dari segi permintaan, Ketua Perangkawan Malaysia menyatakan bahawa **“Perbelanjaan penggunaan akhir swasta atau isi rumah”** yang menyumbang 61.5 peratus kepada KDNK, meningkat 5.9 peratus (ST4 2022: 7.3%) disokong oleh penggunaan yang lebih tinggi dalam Pengangkutan (11.2%) diikuti oleh Perumahan, air, elektrik, gas & bahan api lain (8.9%) dan Makanan & minuman bukan alkohol (3.4%) pada suku tahun pertama 2023. Bagi terma pelarasan musim suku tahun ke suku tahun, prestasi keseluruhan Perbelanjaan penggunaan akhir swasta mencatatkan peningkatan 2.0 peratus (ST4 2022: -2.6%).

Pembentukan modal tetap kasar (PMTK) atau pelaburan ke atas aset tetap meningkat 4.9 peratus (ST4 2022: 8.8%) pada suku tahun ini. Prestasi PMTK disumbangkan oleh Struktur (7.5%), Jentera & peralatan (2.6%), manakala Aset lain menguncup 0.3 peratus. Berdasarkan PMTK mengikut sektor, kedua-dua sektor Awam dan Swasta merekodkan peningkatan pada suku tahun pertama 2023. Bagi terma pelarasan musim suku tahun ke suku tahun, PMTK mencatatkan penurunan 1.4 peratus (ST4 2022: 0.1%).

Perbelanjaan penggunaan akhir kerajaan menyusut 2.2 peratus (ST4 2022: 3.0%) dipengaruhi oleh pertumbuhan perlahan dalam perbelanjaan bagi bekalan dan perkhidmatan. Bagi terma pelarasan musim suku tahun ke suku tahun, Perbelanjaan penggunaan akhir kerajaan menurun 1.7 peratus (ST4 2022: -1.0%) pada suku tahun ini.

Beliau juga menyatakan bahawa “**Eksport bersih** kekal positif pada 54.4 peratus berbanding 23.0 peratus pada suku tahun keempat 2022. Momentum ini dipengaruhi oleh kejatuhan sebanyak 6.5 peratus (ST4 2022: 7.2%) dalam **Import** berbanding **Eksport** yang menyusut 3.3 peratus (ST4 2022: 8.6%). Prestasi ini disebabkan oleh kemerosotan eksport dan import barang.”

Di peringkat global, ekonomi dunia terus mengalami ketidaktentuan akibat inflasi yang tinggi. Di rantau ASEAN, KDNK bertumbuh pada kadar lebih perlahan terutamanya Viet Nam dan Filipina masing-masing mencatatkan pertumbuhan pada 3.3 peratus (ST4 2022: 5.9%) dan 6.4 peratus (ST4 2022: 7.1%). Di samping itu, berdasarkan anggaran awalan, ekonomi Singapura bertumbuh 0.1 peratus (ST4 2022: 2.1%) pada suku tahun ini. Sementara itu, KDNK Indonesia kekal meningkat 5.0 peratus.

DOSM akan mengeluarkan anggaran awalan KDNK bermula pada suku tahun kedua 2023. Anggaran awalan ini merupakan inisiatif yang dilaksanakan oleh DOSM untuk memberikan gambaran prestasi ekonomi berdasarkan data bulanan yang diperoleh melalui survei dan data pentadbiran.

Di peringkat antarabangsa, anggaran KDNK awalan dibangunkan untuk memenuhi permintaan bagi statistik makroekonomi bertepatan masa yang memberi manfaat kepada sektor awam dan swasta. Kebanyakan negara maju iaitu Amerika Syarikat, United Kingdom, Korea Selatan, Taiwan dan Singapura telah mengamalkan statistik ini. Oleh itu, usaha ini menunjukkan komitmen DOSM dalam menyediakan petunjuk makroekonomi bagi membuat perancangan dan penggubalan dasar, analisis ekonomi, unjuran dan perancangan pembangunan perniagaan.

Jabatan Perangkaan Malaysia (DOSM) sedang menjalankan Banci Ekonomi pada tahun 2023. DOSM amat menghargai kerjasama daripada responden dalam memberikan maklumat kepada DOSM serta menjayakan banci ini. Sila layari www.dosm.gov.my untuk maklumat lanjut.

DOSM telah melancarkan OpenDOSM NextGen sebagai medium yang menyediakan katalog data dan visualisasi bagi memudahkan pengguna menganalisis pelbagai data. OpenDOSM NextGen ialah platform perkongsian data sumber terbuka dan boleh diakses melalui portal <https://open.dosm.gov.my>.

Embargo: Hanya boleh diterbitkan atau disebarluaskan mulai jam 1200, Jumaat, 12 Mei 2023

Dimaklumkan bahawa Kerajaan Malaysia telah mengisytiharkan Hari Statistik Negara (MyStats Day) pada 20 Oktober setiap tahun. Tema sambutan MyStats Day adalah “*Connecting the World with Data We Can Trust*”.


Diterbitkan oleh:

**PEJABAT KETUA PERANGKAWAN
JABATAN PERANGKAAN MALAYSIA
12 MEI 2023**

Embargo: Hanya boleh diterbitkan atau disebarluaskan mulai jam 1200, Jumaat, 12 Mei 2023


LAMPIRAN 1

**Carta 1: Keluaran Dalam Negeri Kasar (KDNK),
ST1 2020 – ST1 2023 dan 2018 – 2022**



Sumber: Jabatan Perangkaan Malaysia


Carta 2: Pertumbuhan KDNK Tahunan (%)



Sumber: Jabatan Perangkaan Malaysia


Embargo: Hanya boleh diterbitkan atau disebarluaskan mulai jam 1200, Jumaat, 12 Mei 2023

Carta 3: Pertumbuhan KDNK Bulanan dan Suku Tahunan (%)




Sumber: Jabatan Perangkaan Malaysia

Carta 4: Pertumbuhan KDNK Suku Tahunan mengikut Jenis Aktiviti Ekonomi, ST4 2022 & ST1 2023



Sumber: Jabatan Perangkaan Malaysia


Carta 5: Pertumbuhan KDNK Suku Tahunan mengikut Jenis Perbelanjaan, ST4 2022 & ST1 2023



Sumber: Jabatan Perangkaan Malaysia


Embargo: Hanya boleh diterbitkan atau disebarluaskan mulai jam 1200, Jumaat, 12 Mei 2023

Carta 6: Pertumbuhan KDNK Bulanan Mengikut Jenis Aktiviti Ekonomi, Januari - Mac 2023




Sumber: Jabatan Perangkaan Malaysia

Carta 7: KDNK Pelarasan Musim (Perubahan Peratusan dari Suku Tahun Sebelumnya), ST2 2015 – ST1 2023



Sumber: Jabatan Perangkaan Malaysia

Carta 8: Pendapatan Negara Kasar (PNK) Per Kapita, ST1 2019 – ST1 2023



Sumber: Jabatan Perangkaan Malaysia

Embargo: Hanya boleh diterbitkan atau disebarluaskan mulai jam 1200, Jumaat, 12 Mei 2023

Carta 9: Perbandingan KDNK dengan Negara Terpilih (%)

KDNK (Pertumbuhan YoY, %)	2021	2022	2021				2022				2023
	ST1	ST2	ST3	ST4	ST1	ST2	ST3	ST4	ST1	ST1	
NEGARA ASEAN TERPILIH											
 Malaysia	3.3	8.7	-0.2	16.2	-4.2	3.6	4.8	8.8	14.1	7.1	5.6
 Singapura	8.9	3.6	3.9	17.3	8.7	6.6	4.0	4.5	4.0	2.1	0.1
 Indonesia	3.7	5.3	-0.7	7.1	3.5	5.0	5.0	5.5	5.7	5.0	5.0
 Filipina	5.7	7.6	-3.8	12.0	7.0	7.9	8.0	7.5	7.7	7.1	6.4
 Viet Nam	2.6	8.0	4.7	6.7	-6.0	5.2	5.1	7.8	13.7	5.9	3.3
NEGARA LAIN TERPILIH											
 Amerika Syarikat	5.9	2.1	1.2	12.5	5.0	5.7	3.7	1.8	1.9	0.9	1.6
 Kesatuan Eropah	5.4	3.5	-0.7	13.8	4.3	5.2	5.7	4.4	2.6	1.7	1.3
 United Kingdom	7.6	4.1	-7.7	24.4	8.5	8.9	10.6	3.8	2.0	0.6	t.t
 Republik Rakyat Cina	8.4	3.0	18.7	8.3	5.2	4.3	4.8	0.4	3.9	2.9	4.5
 Republik Korea	4.1	2.6	2.2	6.2	4.0	4.2	3.0	2.9	3.1	1.3	0.8

Nota: t.t – tidak tersedia

Sumber: Laman web rasmi Agensi Statistik Negara Terpilih



MINISTRY OF ECONOMY
DEPARTMENT OF STATISTICS MALAYSIA

MEDIA STATEMENT
FOR MALAYSIA ECONOMIC PERFORMANCE FIRST QUARTER OF 2023

Malaysia's economy grew at 5.6 per cent underpinned by steady domestic demand and recovery in the labour market

PUTRAJAYA, 12 May 2023 – Malaysia's Gross Domestic Product (GDP) in the first quarter of 2023 expanded 5.6 per cent after recorded a growth of 7.1 per cent in the previous quarter. In terms of quarter-on-quarter seasonally adjusted, GDP grew marginally by 0.9 per cent (Q4 2022: -1.7%) in this quarter. Correspondingly, the monthly economic performance has grown modestly in the first quarter with a growth of 4.6 per cent in January, followed by 6.6 per cent in February and 5.6 per cent in March 2023. This is reported by the Department of Statistics Malaysia (DOSM) in today's release of **Gross Domestic Product (GDP) for the First Quarter of 2023**.

According to the Chief Statistician Malaysia, Dato' Sri Dr. Mohd Uzir Mahidin, "The economic performance in the first quarter of 2023 on the supply side was driven by all sectors, particularly the Services, Manufacturing and Construction sectors. On the demand side, Private final consumption expenditure and Gross fixed capital formation continued to propel the growth in the economy this quarter".

He added that, "In terms of sectoral performance, the **Services** sector was the main impetus of Malaysia's economy, rose by 7.3 per cent (Q4 2022: 9.1%) in the first quarter of 2023. The favourable performance was attributed to the Wholesale & retail trade (9.4%), Transportation & storage (17.0%), Business services (16.2%) and Food & beverage and accommodation (12.0%) sub-sectors. The strong growth in Business services was attributed to travel agencies and related tourism activities, following an increase in tourist arrivals. On a quarter-on-quarter seasonally adjusted, the Services sector increased 1.7 per cent (Q4 2022: -1.5%)".

The **Manufacturing** sector grew moderately by 3.2 per cent (Q4 2022: 3.9%) in the first quarter of 2023 led by Electrical, electronic & optical products (3.8%) followed by Transport equipment, other manufacturing and repair (7.7%) and Vegetable & animal oils & fats and food processing products (7.2%). On the contrary, Wood, furniture, paper & paper products and printing recorded a decrease of 4.0 per cent (Q4 2022: -2.6%). On a quarter-on-quarter seasonally adjusted, the overall Manufacturing sector increased 0.5 per cent (Q4 2022: -2.6%).

The **Construction** sector expanded 7.4 per cent (Q4 2022: 10.1%) in the first quarter of 2023. The performance in this sector was contributed by positive growth in Civil engineering (15.9%), Specialised construction activities (8.7%) and Non-residential buildings (6.4%). Nonetheless, Residential building decreased 3.4 per cent (Q4 2022: 2.8%). On a quarter-on-quarter seasonally adjusted, the Construction sector increased 2.9 per cent (Q4 2022: -4.1%).

The **Mining & quarrying** sector rose 2.4 per cent (Q4 2022: 6.3%) supported by all activities, mainly the Crude oil & condensate sub-sector which increased 4.0 per cent (Q4 2022: 4.3%) in this quarter. Meanwhile, Natural gas grew at a slower pace of 0.6 per cent (Q4 2022: 7.3%). In terms of seasonally adjusted, this sector dropped 3.2 per cent (Q4 2022: -2.4%). In addition, the **Agriculture** sector grew marginally at 0.9 per cent (Q4 2022: 1.1%) in this quarter, induced by a better performance in the Oil palm (3.4%) and Other agriculture (2.6%) sub-sectors. The Agriculture sector recorded a decrease of 2.5 per cent (Q4 2022: 2.0%) on seasonally adjusted terms.

Commenting further on the demand side, the Chief Statistician Malaysia stated that “**Private final consumption or household expenditure**, which contributed 61.5 per cent to GDP, grew 5.9 per cent (Q4 2022: 7.3%) attributed to the higher consumption in Transport (11.2%), followed by Housing, water, electricity, gas & other fuels (8.9%) and Food & non-alcoholic beverages (3.4%) in the first quarter of 2023. On a seasonally adjusted quarter-on-quarter terms, the overall performance of Private final consumption expenditure posted an increase of 2.0 per cent (Q4 2022: -2.6%)”.

Gross fixed capital formation (GFCF) or investment in fixed assets increased by 4.9 per cent (Q4 2022: 8.8%) in this quarter. The performance of GFCF was contributed by Structure (7.5%) and Machinery & equipment (2.6%), whereas Other assets contracted 0.3 per cent. Based on GFCF by sector, both Public and Private sectors recorded an increase in the first quarter of 2023. On a quarter-on-quarter seasonally adjusted, the GFCF registered a decrease of 1.4 per cent (Q4 2022: 0.1%).

Government final consumption expenditure declined by 2.2 per cent (Q4 2022: 3.0%) influenced by slower growth in spending on supplies and services. On a quarter-on-quarter seasonally adjusted, Government final consumption expenditure decreased 1.7 per cent (Q4 2022: -1.0%) in this quarter.

He also mentioned that “**Net exports** remained positive at 54.4 per cent as compared to 23.0 per cent in the fourth quarter of 2022. This momentum was influenced by a drop of 6.5 per cent (Q4 2022: 7.2%) in **Imports**, as compared to **Exports** which shrank 3.3 per cent (Q4 2022: 8.6%). This performance was attributed to the decline in both exports and imports of goods.”

Globally, the world economy continues to experience greater uncertainty weighed down by inflation. In the ASEAN region, GDP grew at slower rate particularly in Viet Nam and Philippines which grew at 3.3 per cent (Q4 2022: 5.9%) and 6.4 per cent (Q4 2022: 7.1%) respectively. In addition, based on advance estimates Singapore's economy, grew marginally by 0.1 per cent (Q4 2022: 2.1%) in this quarter. Meanwhile, Indonesia's GDP remained at 5.0 per cent.

DOSM will be releasing the advance estimates of GDP starting in the second quarter of 2023. This advance estimates is an initiative carried out by DOSM to provide the insight of economic performance based on monthly data sources from surveys and administrative data.

Internationally, advance GDP estimates are developed to fulfill the demand for timely macroeconomics statistics which will benefit the private and public sectors. This has been practiced by most of developed countries namely United States, United Kingdom, South Korea, Taiwan and Singapore. As such, this effort portrays DOSM's commitments to furnish macroeconomic indicators in planning & formulation of policies, economic analysis, projections and business development planning.

DOSM is conducting the Economic Census in 2023. DOSM greatly appreciates the cooperation of respondents in providing information and ensuring the success of this census. Please visit www.dosm.gov.my for more information.

DOSM has launched OpenDOSM NextGen as a medium that provides a catalogue of data and visualisation to facilitate users in analysing various data. OpenDOSM NextGen is an open source data sharing platform and accessible through <https://open.dosm.gov.my> portal.

Please be informed that the Government of Malaysia has declared National Statistics Day (MyStats Day) on October 20 each year. MyStats Day theme is "Connecting the World with Data We Can Trust".

Released by:


THE OFFICE OF CHIEF STATISTICIAN MALAYSIA

DEPARTMENT OF STATISTICS MALAYSIA

12 MAY 2023


APPENDIX 1

Chart 1: Gross Domestic Product (GDP), Q1 2020 – Q1 2023 and 2018 – 2022




Source: Department of Statistics Malaysia

Chart 2: Annual GDP Growth (%)




Source: Department of Statistics Malaysia

Chart 3: Monthly and Quarterly GDP Growth (%)




Source: Department of Statistics Malaysia

Chart 4: Quarterly GDP Growth by Kind of Economic Activity, Q4 2022 & Q1 2023



Source: Department of Statistics Malaysia


Chart 5: Quarterly GDP Growth by Type of Expenditure, Q4 2022 & Q1 2023



Source: Department of Statistics Malaysia


Embargo: Only can be published or disseminated at 1200 hour, Friday, 12th May 2023

**Chart 6: Monthly GDP Growth by Kind of Economic Activity,
January – March 2023**




Source: Department of Statistics Malaysia

**Chart 7: Seasonally Adjusted GDP
(Per centage Change from Preceding Quarter), Q2 2015 – Q1 2023**



Source: Department of Statistics Malaysia

Chart 8: Gross National Income (GNI) Per Capita, Q1 2019 – Q1 2023



Source: Department of Statistics Malaysia

Chart 9: GDP Comparison with Selected Countries (%)

GDP (Growth YoY, %)	2021	2022	2021				2022				2023
	Q1	Q2	Q3	Q4	Q1	Q2	Q3	Q4	Q1	Q2	Q3
SELECTED ASEAN COUNTRIES											
 Malaysia	3.3	8.7	-0.2	16.2	-4.2	3.6	4.8	8.8	14.1	7.1	5.6
 Singapore	8.9	3.6	3.9	17.3	8.7	6.6	4.0	4.5	4.0	2.1	0.1
 Indonesia	3.7	5.3	-0.7	7.1	3.5	5.0	5.0	5.5	5.7	5.0	5.0
 Philippines	5.7	7.6	-3.8	12.0	7.0	7.9	8.0	7.5	7.7	7.1	6.4
 Viet Nam	2.6	8.0	4.7	6.7	-6.0	5.2	5.1	7.8	13.7	5.9	3.3
OTHER SELECTED COUNTRIES											
 United States of America	5.9	2.1	1.2	12.5	5.0	5.7	3.7	1.8	1.9	0.9	1.6
 European Union	5.4	3.5	-0.7	13.8	4.3	5.2	5.7	4.4	2.6	1.7	1.3
 United Kingdom	7.6	4.1	-7.7	24.4	8.5	8.9	10.6	3.8	2.0	0.6	n.a
 P.R. China	8.4	3.0	18.7	8.3	5.2	4.3	4.8	0.4	3.9	2.9	4.5
 Republic of Korea	4.1	2.6	2.2	6.2	4.0	4.2	3.0	2.9	3.1	1.3	0.8

Note: n.a - not available

Source: Official website of Selected National Statistical Office